



531 langkah strategik perkukuh kedudukan ASEAN dalam ekonomi global

# Deklarasi Kuala Lumpur

**KUALA LUMPUR:** Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 sepakat menghasilkan Deklarasi Kuala Lumpur yang digariskan melalui enam dokumen penting berdasarkan tiga tunjang utama komuniti ASEAN ia merangkumi 531 lang-

kah strategik yang menjadi hala tuju baharu rantau ini untuk 20 tahun akan datang.

Pemeteraian Deklarasi Kuala Lumpur bertemakan ASEAN 2045: Our Shared Future (Masa Depan Kita Bersama) yang dite-

rima secara kolektif oleh ahli ASEAN menjadi antara pencapaian utama dalam usaha memperkukuhkan masa depan serantau atas dasar Politik - Keselamatan, Ekonomi dan Sosio-Budaya.

Dokumen strategik jangka panjang itu dihasilkan bagi menggantikan pelan ASEAN 2025: Forging Ahead Together yang dimeterai ketika Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2015.

Ia merupakan peta hala tuju baharu ke arah membina Komuniti ASEAN yang lebih berdaya tahan, inovatif, dinamik serta berpaksikan rakyat.

**Bersambung di muka 2**

# Deklarasi Kuala Lumpur

Dari muka 1

Dokumen penting itu ditan-datangani oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Sultan Brunei Darussalam, Sultan Hassanal Bolkiah; Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Laos, Sonexay Siphandone; Perdana Menteri Singapura, Lawrence Wong dan Perdana Menteri Thailand, Paetongtarn Shinawatra.

Turut menurunkan tandatangan adalah Perdana Menteri Republik Sosialis Vietnam, Pham Minh Chinh; Presiden Filipina, Ferdinand Romualdez Marcos; Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet; Presiden Indonesia, Prabowo Subianto; Setiausaha Tetap, Kementerian Luar Negeri Republik Kesatuan Myanmar, Aung Mye Thaw dan Perdana Menteri Timor-Leste, Kay Rala Xanana Gusmao.

Anwar berkata, pada sedekad lalu di Kuala Lumpur, ASEAN telah melancarkan Visi Komuniti ASEAN 2025 bagi mengukuhkan peranan rantau ini dalam kestabilan dan ekonomi.

Bagaimanapun, katanya, kestabilan antarabangsa semakin bergolak akibat ketegangan geopolitik, tekanan ekonomi, gangguan iklim dan teknologi yang menguji hubungan antara negara.

"Tahun-tahun mendatang akan dibentuk oleh revolusi dalam teknologi dan sains. Keupayaan kita untuk memimpin dalam kecerdasan buatan, inovasi digital serta ekonomi hijau dan biru yang akan menentukan bukan sahaja kemakmuran kita, tetapi juga kesepaduan ASEAN.

"Namun teknologi ini turut membawa risiko. Jika tidak dikawal, ia boleh memperluas jurang ketidaksamaan, menjejaskan kehidupan dan melangkaui undang-undang kita.

"Kita bukan sahaja perlu menerima inovasi malah kita juga



**Masa depan ASEAN mesti berteraskan kemampuan dan keterangkuman serta integrasi di rantau ini harus benar-benar berpaksikan rakyat."**

harus belajar untuk mengurusnya bersama-sama dengan penuh tanggungjawab," katanya dalam ucapannya pada Majlis Menandatangani Deklarasi Kuala Lumpur, di sini semalam.

Beliau berkata, masa depan ASEAN mesti berteraskan kemampuan dan keterangkuman serta integrasi di rantau ini harus benar-benar berpaksikan rakyat.

Katanya, ASEAN perlu merapatkan jurang pembangunan, meningkatkan taraf hidup dan meningkatkan modal insan setiap warga negara.

"Pelan induk bersama ini mencerminkan kepercayaan tersebut. Ia merupakan satu visi yang berpijak di bumi nyata, digerakkan oleh tekad dan dimungkinkan oleh keyakinan.

"Ketika kita melangkah ke halaman baharu ini, kita perbaharui janji kepada rakyat, kepada rantau dan kepada generasi akan datang," katanya.

ASEAN 2045: Masa Depan Kita Bersama menghimpunkan enam dokumen utama iaitu Deklarasi Kuala Lumpur mengenai ASEAN 2045: Masa Depan Kita Bersama; Visi Komuniti ASEAN 2045: ASEAN yang Berdaya Tahan, Inovatif, Dinamik dan Berteraskan Rakyat; Pelan Strategik Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN (APSC); Pelan Strategik Komu-

niti Ekonomi ASEAN (AEC) 2026-2030; Pelan Strategik Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) serta Pelan Strategik Keterhubungan ASEAN.

Setiap pelan strategik mengandungi matlamat bersama dan langkah strategik masing-masing iaitu Pelan Strategik APSC (Sembilan Matlamat Strategik, 178 Langkah Strategik); Pelan Strategik AEC (Enam Matlamat Strategik, 192 Langkah Strategik); Pelan Strategik ASCC (12 Matlamat Strategik, 112 Langkah Strategik); dan

(Pelan Strategik Keterhubungan ASEAN (Enam Matlamat Strategik, 49 Langkah Strategik).

Antara matlamat utama Deklarasi Kuala Lumpur itu termasuklah memperkukuh kedudukan ASEAN dalam ekonomi global sebagai pasaran tunggal yang mampan, pintar dan bersambung.

Ia juga bagi mewujudkan komuniti inklusif yang memberi tumpuan kepada pendidikan, kesihatan, peluang pekerjaan dan kesejahteraan sosial serta menjadikan ASEAN sebagai entiti aktif di peringkat antarabangsa yang menjunjung prinsip keamanan, multilateralisme dan tadbir urus yang baik.

Visi baharu itu turut menekankan kepentingan peranan belia, wanita dan golongan rentan dalam pembinaan komuniti, serta usaha mengekalkan identiti ASEAN yang kukuh dan dikongsi bersama.

Menerusi pemeteraian deklarasi itu, semua anggota blok menerima pakai Visi Komuniti ASEAN 2045 bertemakan 'Berdaya Tahan, Inovatif, Dinamik dan Berteraskan Rakyat' bersama dengan Pelan Strategik Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN, Pelan Strategik Komuniti Ekonomi ASEAN, Pelan Strategik Komuniti Sosio-Budaya ASEAN dan Pelan Strategik Keterhubungan ASEAN.